


SULIT

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

Bahasa Melayu
Kertas 2

1103/2

SKEMA JAWAPAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010



BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

SKEMA JAWAPAN PERCUBAAN KERTAS 2

Soalan 1 Rumusan

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

1si - 20 markah

Bahasa - 10 markah

(a) Isi {20 markah}

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20	9-10	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik
	15-17	7-9	- Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12-14	6-7	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan
	8-11	4-6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

Pendahuluan:

Petikan membincangkan/tentang kebaikan / kelebihan / keistimewaan blog kepada remaja di negara kita. *[2 markah]*

Isi Tersurat - Faedah-faedah [4 hingga 12 markah]

- S1 menjadikan remaja lebih yakin pada diri
- S2 mampu menjanakan pemikiran secara lebih terbuka dan kritis
- S3 menjadi terapi yang sihat kepada minda.
- S4 menjadikan seseorang pengendali laman blog lebih peka dan terbuka
- S5 menjadi tempat untuk menambahkan kenalan
- S6 tempat untuk mempopularkan diri
- S7 membentuk pemikiran yang lebih positif.
- S8 dijadikan ruang untuk mendapatkan duit dengan cara mudah.

Isi-isi Tersirat - langkah-langkah [4 hingga 12 markah]

- T1 Penguatkuasaan undang-undang siber
- T2 Pengawasan ibu bapa
- T3 Mendaftar penggunaan blog
- T4 Kesedaran dalaman / nilai murni

Kesimpulan/Penutup [2 markah]

Kesimpulannya, penggunaan blog yang positif perlu digalakkan dalam kalangan masyarakat agar dapat mewujudkan warganegara yang berkualiti.

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : 9 markah
- Soalan 2(b) : 9 markah
- Soalan 2(c) : 8 markah
- Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

(i) Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

(ii) Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

(iii) Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2: Pemahaman

Soalan 2(a) - Petikan Umum

- (i) Berikan maksud rangkai kata *strategi yang positif*.
 - Langkah/kaedah yang baik [2 m]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa contoh penyalahgunaan blog.
 • Nyatakan **tiga** daripada penyalahgunaan tersebut.
 - Menyebar fitnah
 - Menghasut
 - Memaparkan salah laku moral remaja
 - Iucah [3 m]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menggalakkan orang ramai menggunakan laman blog?
 - Kempen melalui media massa
 - Menyediakan kemudahan / prasarana
 - Mengadakan pertandingan mencipta blog [4 m]

Terima mana-mana jawapan yang sesuai - maksimum 2 isi

Soalan 2(b) :Petikan Prosa Moden (Drama JBRR)

- (i) Apakah kesukaran yang dihadapi oleh raja untuk mendapatkan rama-rama? [2 markah]
 - masuk belukar keluar belukar
 - masuk hutan keluar hutan
 - masuk rimba keluar rimba
 - luka di tangan
 - luka di kaki
 - luka di muka
- (ii) Pada pendapat anda, wajarkah rama-rama membantu raja yang berada dalam kesusahan? [3 markah]
- Wajar:**
- raja berada dalam kesusahan
 - raja mungkin akan sedar/insaf akan kesilapannya setelah ditolong
 - raja hanya ingin memenuhi kehendak isterinya
 - memaafkan kesilapan seseorang merupakan sikap yang terpuji
 - sekiranya raja mangkat, rakyat akan kehilangan pemimpin
- Tidak wajar:**
- kerana raja ingin menangkapnya
 - keselamatannya akan terancam
 - raja akan meneruskan niatnya
 - raja akan terus bersikap zalim jika baginda terselamat
 - pengajaran kepada orang yang zalim

(iii) nilai

Satu nilai dalam petikan:

- keinsafan - raja menyedari kesilapannya setelah mendengar azan Subuh dan tidak mahu membunuh rama-rama lagi
- tolong-menolong - rama-rama menolong raja mengipas-ngipas dengan sayapnya
- belas kasihan - rama-rama kasihan melihat raja yang kepanasan
 - maksimum satu nilai berserta huraian - 1 markah

Dua nilai dalam petikan:

- kasih sayang - raja sangat sayang akan isterinya sehingga sanggup memenuhi segala kehendaknya
- baik hati - Peran dan rombongannya mengubati orang buta
- rasional - Mek Bongsu dapat berfikir secara rasional dengan meninggalkan kehidupan yang mewah
 - maksimum dua nilai berserta huraian - 2 markah

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik (Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya)(i) Berikan maksud rangkai kata *beroleh kejahanan*. [2 markah]

- menerima / mendapat kecelakaan / padah / balasan buruk / malapetaka

(ii) Nyatakan tiga peristiwa yang berlaku setelah anak kera kalah bermain catur dengan anak saudagar. [3 markah]

- anak kera menghamburkan buah catur kepada anak saudagar
- anak saudagar menghunus pisau dari pinggangnya dan anak kera ditetaknya
- anak kera melompat dan hujung pisau terkena pada lengannya
- anak kera luka sedikit
- pisau dicampakkan oleh anak saudagar
- anak kera melompat dan mengambil pisau lalu dilontarkannya kepada anak saudagar
- anak saudagar luka sedikit

(iii) Pada pendapat anda, apakah kebaikan jika anak-anak mematuhi nasihat ibu bapa? [3 markah]

Berikan tiga kebaikan.

- mendapat kejayaan
- hidup diberkati Tuhan
- hidup dalam kebahagiaan/kesenangan
- disayangi ibu bapa

Soalan 2(d) : Petikan Puisi

[2 markah]

(i) nasib malang

- nyaris mati akibat tidak dapat makan
- ketika belayar angin berhenti bertiup
- sewaktu sauh dilabuhkan bayu/angin mula berpuput/bertiup
- menumpang di rumah orang lain walaupun memiliki rumah sendiri

(ii) Cara mengatasi nasib malang

[4 markah]

- berusaha dengan gigih untuk mengubah nasib hidup
- mendapatkan nasihat daripada orang yang lebih berilmu
- bersikap positif ketika melakukan sebarang pekerjaan
- mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan
- berusaha memperbaik kelemahan diri

(iii) tiga pengajaran

- kita hendaklah gigih berusaha agar mencapai segala yang dihajati
- kita hendaklah yakin semasa melakukan sebarang pekerjaan
- kita hendaklah bersabar ketika menghadapi dugaan
- kita hendaklah berfikiran rasional sebelum bertindak/membuat keputusan

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.

Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.

Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.

Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.

Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.

Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.

Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

3a)

- (i) ipar-duai
saudara pupu kepada suami atau isteri
- (ii) lauk-pauk
bermacam-macam lauk:
- (iii) sorak-sorai
bunyi teriak dan pekik orang ramai (kerana gembira, mengejek dll)
- (iv) riuh-rendah
sangat riuh, gegak, gempita, hiruk-pikuk
- (v) segar-bugar
 - a. sihat (cergas, subuh, pantas) benar
 - b. masih baru benar (sesuatu benda, peristiwa dll)
- (vi) susup-sasap
menyorok (masuk) ke sana ke mari

3b) Sambung ayat

- (i) Dugong ialah sejenis ikan yang semakin pupus dan / serta sukar didapati di perairan negara.
- (ii) Perancangan amat penting dalam sesuatu kerja yang seharusnya bermula pada peringkat awal supaya /agar kerja itu berjaya disempurnakan.
- (iii) Pelancong itu singgah di Kuala Lumpur untuk membeli-belah sewaktu/ketika/semasa dalam perjalanan ke Pulau Pangkor.

3c) Kesalahan ejaan

- Kometmen - Komitmen
- pentakbiran - pentadbiran
- mengambilberat - mengambil berat

Kesalahan imbuhan

- penjajah - penjajahan
- terlibat - melibatkan
- seluruh - menyeluruh

3d)

- (i) Peragawan - Peragawati (istilah)
supaya - untuk (bahasa)
- (ii) kemewahan - keuntungan/faedah/manfaat (istilah)
siapa - sesiapa (kata)
- (iii) pelanggan kunjungi - dikunjungi pelanggan /dikunjung oleh pelanggan (bahasa)
kecanggihan - kelazatan/kesedapan/kenikmatan/keenakan (kata)

3e)

- (i) Sambil menyelam minum air
- (ii) Seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
- (iii) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

Soalan 4 .
(15 markah)

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Beri 1 markah untuk 1 isi
- (iv) Beri 1 markah untuk **huraian**
- (v) Nilai tanpa huraian maksimum 2 markah
- (vi) Huraian tanpa isi beri 0 markah
- (vii) Markah isi maksimum 4 markah
- (viii) Markah bahasa maksimum 3 markah
- (ix) Markah bahasa diberi secara 'impression'm

Baik	= 3 markah
Sederhana	= 2 markah
Lemah	= 1 markah
- (x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

- (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Beri **1 markah** untuk **1 isi**
- (iv) Beri **2 markah** untuk **huraian setiap perwatakan**
- (v) **Huraian secara umum beri 1 markah**
- (vi) Huraian tanpa isi beri **0 markah**
- (vii) **Markah isi maksimum 6 markah**
- (viii) **Markah bahasa maksimum 2 markah**
- (ix) Markah bahasa diberi secara 'impression'
 - Baik = **2 markah**
 - Lemah = **1 markah**
- (x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri **1 markah** untuk bahasa.
- (xi) Calon tidak menjawab **0 markah**.

[Maksimum: 8 markah]

- (a) Keberanian merupakan sebahagian daripada nilai yang dikemukakan oleh pengarang. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang menunjukkan nilai keberanian. [7 markah]

BUKIT KEPONG

- Keberanian pasukan keselamatan menentang pengganas komunis.
- Keberanian ister-isteri anggota polis membantu suami menentang komunis.
- Keberanian penduduk kampung bersama-sama membantu pihak polis menentang komunis walaupun kekurangan senjata.
- Keberanian Othman untuk menyertai pasukan keselamatan.

KONSERTO TERAKHIR

- Hilmi berani berhadapan dengan Datin Salmah kerana telah merosakkan piano kepunyaan Hayati.
 - Hilmi berani menghadapi cabaran hidup seorang diri di perantauan walaupun pertama kali berhijrah ke bandar.
 - Hilmi berani mengambil keputusan menipu Datuk Johari mengatakan bahawa dia ingin pulang ke kampung sedangkan dia tidak berbuat demikian.
 - Hayati berani meluahkan perasaan cintanya kepada Hilmi walaupun dia sedar mungkin cintanya ditolak.
 - Hayati berani menggantikan tempat Hilmi mengetuai persembahan konsert secara besar-besaran kerana Hilmi sakit secara tiba-tiba.
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah kaji, nyatakan watak sampingan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan watak utama.
Huraikan satu perwatakan watak sampingan dalam kedua-dua novel tersebut. [8markah]

Berdasarkan **Konserto Terakhir**, watak sampingan yang mempunyai kaitan rapat dengan watak utama ialah **Hayati**.

- minat dalam bidang muzik dan menyambung pelajaran muzik di luar negara
- patuh kepada ibu bapa - Hayati bertunang dan berkahwin dengan sepupunya Mohsin
- manja - Hayati manja dengan pembantunya Mak Minah
- penyayang - Hayati menyayangi Hilmi

- insaf - seorang yang tidak mengamalkan ajaran agama dan berubah menjadi seorang yang beriman.
- yakin dan berani - menggantikan Hilmi dalam pertunjukan Orkestra Perdana.

Berdasarkan novel Bukit Kepong watak sampingan yang dipilih ialah Limah.

- berhemah tinggi dan taat kepada orang tua - Limah menerima jodoh yang ditetapkan oleh kedua-dua ibu bapanya.
- taat kepada suami - Limah mengikuti suaminya berhijrah ke Pagoh.
- pandai mengaji - mengajar anak-anak polis mengaji pada waktu malam.
- penyayang - Limah terlalu menyayangi suaminya Othman dan menjadi gila kerana tidak dapat menerima berita kematian suaminya.
 - mana-mana watak yang rapat dengan watak utama dan perwatakanya yang sesuai diterima.